

Headline	Pengundi Los Angeles sokong aktor filem lucu pakai kondom		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Nov 2012	Color	Black/white
Section	Dunia	Circulation	115,967
Page No	45	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	85 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 392
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,177



Pengundi Los Angeles sokong aktor filem lucu pakai kondom

LOS ANGELES - Para pengundi daerah Los Angeles telah menyokong langkah yang mewajibkan pelakon filem lucu memakai kondom semasa melakukan adegan seks.

Pelakon-pelakon itu akan disaman dan perlu berpindah ke tempat lain jika mereka

melanggar langkah tersebut.

Menurut pejabat Pendaftaran Daerah Los Angeles, langkah tersebut yang ditaja Yayasan Penjagaan Kesihatan AIDS mendapat kelulusan pada Selasa lalu daripada para pengundi.

Keputusan pengundian ialah 55.85 peratus menyokong manakala 44.15 lagi menolak.

Para penerbit filem lucu juga dikehendaki mendapatkan permit kesihatan untuk menerbitkan filem dan penggunaan kondom di set penggambaran merupakan syarat wajib

bagi mendapatkan permit itu. Kebanyakan produksi filem lucu di Amerika Syarikat dibuat di San Fernando Valley di sini.

Bagaimanapun, para penerbit filem lucu kelmarin berikrar mereka akan mencabar langkah itu di mahkamah. - Agensi